

24 OCT 2002

Mahathir-Islam (Bergambar)

UMAT ISLAM BERTANGGUNGJAWAB BETULKAN SALAH FAHAM AGAMA -- PM

ALOR STAR, 24 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini umat Islam di negara ini mempunyai tanggungjawab untuk membetulkan sebarang salah faham dalam agama yang dicetuskan sesetengah pihak.

Beliau berkata sekiranya tindakan itu tidak dilakukan, kekeliruan akan timbul yang menyebabkan umat Islam lemah dan berpecah.

"Kita mempunyai hak untuk membetulkan salah faham bagi mengelakkan umat Islam berpecah," katanya ketika melancarkan Gerak Mesra dan Tazkirah anjuran Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim) di sini.

Yang turut hadir ialah Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan Yang Dipertua Yadim Datuk Mohd Nakhaie Ahmad.

Dr Mahathir berkata tindakan ingat-mengingati sesama umat Islam penting bagi menjadikan ajaran Islam diamal secara sebenar agar mereka tidak ditindas oleh orang lain.

"Umat Islam lemah dan ditindas kerana tidak berpegang kepada ajaran agama yang sebenarnya," kata beliau.

Perdana Menteri turut melahirkan perasaan sedih kerana tindakan segelintir rakyat negara ini yang berpendidikan tinggi Islam tetapi tidak menjalankan peranan dalam membetulkan sebarang penyelewengan berkaitan agama.

"Tindakan mengatakan Tuhan samseng adalah penyelewengan agama yang besar. Tetapi, mereka ini tidak membuat teguran, sebaliknya hanya bertindak menegur perkara-perkara yang kecil," katanya.

Dr Mahathir juga merasa sedih dengan tindakan rakyat negara ini yang sanggup mengikuti dan menyokong mereka yang ternyata menyeleweng daripada ajaran Islam sebenar.

Program Gerak Mesra dan Tazkirah adalah satu daripada usaha Yadim untuk turun ke akar umbi bagi memberi kefahaman Islam sebenar kepada masyarakat.

-- BERNAMA

MAN NMO